AL-QANATIR
INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC STUDIES
eISSN: 2289-9944
Vol. 35. No. 11. November Issue (2026)

INPUT DIMENSION EVALUATION OF THE SPM FAST-TRACK PROGRAM FOR FULL-TIME TAHFIZ STUDENTS ACCORDING TO THE CIPP MODEL

PENILAIAN DIMENSI INPUT PROGRAM TREK PANTAS SPM BAGI MURID LEPASAN TAHFIZ SEPENUH MASA MENURUT MODEL CIPP

Naimah Muhammad[i], Mohd Nor Mamat[ii] & Fatin Nabilah binti Abdul Wahid[iii]

[i] (*Corresponding author*). Pelajar Pascasiswzah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia. naimah.lembahilmu@gmail.com
[ii] Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia. mohdnoor@uitm.edu.my
[iii] Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia. afatinna@uitm.edu.my

Article Progress
Received: *28 Aug 2026* ***Revised:*** *2 Sept 2026* ***Accepted****: 1 Oct 2026*

Abstract

The SPM Fast-Track Program provides an academic pathway for full-time tahfiz students to obtain the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) qualification within a shorter learning period. The implementation of such a program requires sufficient input readiness to ensure that the teaching and learning process can be executed effectively. This study aims to evaluate the input dimension of the SPM Fast-Track Program for full-time tahfiz students based on the Context, Input, Process, and Product (CIPP) Evaluation Model, focusing on the aspects of learning facilities, financial resources, institutional management, and teacher competency. The study employed a concurrent mixed-methods research design involving 36 administrators and 108 teachers from 36 implementing entities of the SPM Fast-Track Program in Malaysia, alongside five interview informants. Quantitative data were analyzed descriptively, while qualitative data were used to provide contextual explanations for the findings. The results indicate that, overall, the input dimension is at a high level, with specific strengths identified in teacher competency, institutional management, and the provision of teaching and learning resources. However, physical facilities—particularly classrooms—demonstrated a need for improvement to provide a more conducive learning environment. The qualitative findings further highlight the importance of learning facilities, competent teaching staff, and the provision of adequate resources in supporting program implementation. This study demonstrates that input readiness is a critical foundation for the implementation of the SPM Fast-Track Program, requiring holistic attention toward resources, institutional capacity, and the learning environment. The findings of this study can serve as a reference for implementing institutions and stakeholders in planning improvements for the SPM Fast-Track Program for full-time tahfiz students.

Keywords: *SPM, CIPP, input, tahfiz, evaluation*

Abstrak *Program Trek Pantas SPM menyediakan laluan akademik kepada murid lepasan tahfiz sepenuh masa untuk memperoleh kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam tempoh pembelajaran yang lebih singkat. Pelaksanaan program sedemikian memerlukan kesediaan input yang mencukupi bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara berkesan. Kajian ini bertujuan menilai dimensi input Program Trek Pantas SPM bagi murid lepasan tahfiz sepenuh masa berdasarkan Model Penilaian Context, Input, Process and Product (CIPP), dengan memberikan tumpuan kepada aspek kemudahan pembelajaran, sumber kewangan, pengurusan institusi dan kompetensi guru. Kajian menggunakan reka bentuk kaedah campuran secara serentak (concurrent mixed methods) yang melibatkan 36 pentadbir dan 108 guru daripada 36 entiti pelaksana Program Trek Pantas SPM di Malaysia serta lima orang informan temu bual. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif, manakala data kualitatif digunakan untuk memberikan penjelasan kontekstual terhadap dapatan kajian. Dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhannya dimensi input berada pada tahap tinggi, dengan kekuatan dikenal pasti pada aspek kompetensi guru, pengurusan institusi dan penyediaan sumber pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, aspek kemudahan fizikal, khususnya bilik darjah, menunjukkan keperluan terhadap penambahbaikan bagi menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif. Dapatan kualitatif turut memperlihatkan kepentingan kemudahan pembelajaran, tenaga pengajar yang kompeten dan penyediaan sumber yang mencukupi dalam menyokong pelaksanaan program. Kajian ini menunjukkan bahawa kesediaan input merupakan asas penting kepada pelaksanaan Program Trek Pantas SPM dan memerlukan perhatian secara menyeluruh terhadap sumber, kapasiti institusi dan persekitaran pembelajaran. Dapatan kajian dapat menjadi rujukan kepada institusi pelaksana dan pihak berkepentingan dalam merancang penambahbaikan Program Trek Pantas SPM bagi murid lepasan tahfiz sepenuh masa.*

Kata kunci: *SPM, CIPP, input, tahfiz, penilaian*

PENDAHULUAN

Kejayaan sesuatu program pendidikan tidak hanya ditentukan oleh matlamat dan reka bentuk program, tetapi turut bergantung pada kesediaan sumber yang menyokong pelaksanaannya. Aspek seperti sumber manusia, kemudahan pembelajaran, kewangan dan pengurusan institusi merupakan komponen penting kerana keupayaan sesebuah organisasi menyediakan dan mengoptimumkan sumber boleh mempengaruhi kualiti pelaksanaan program.

Durlak dan DuPre (2008) menjelaskan bahawa pelaksanaan sesuatu intervensi dipengaruhi oleh faktor seperti kapasiti organisasi, sumber dan karakteristik pelaksana. Oleh itu, penilaian terhadap kesediaan input penting bagi mengenal pasti kekuatan serta aspek yang memerlukan penambahbaikan dalam menyokong pelaksanaan sesuatu program pendidikan.

Dalam Model Penilaian Context, Input, Process and Product (CIPP), dimensi input memberikan tumpuan kepada sumber, strategi dan kapasiti yang diperlukan bagi mencapai matlamat sesuatu program. Penilaian input membantu pembuat keputusan mengenal pasti sumber yang tersedia, menilai kesesuaian strategi serta menentukan keupayaan organisasi untuk melaksanakan program secara berkesan (Stufflebeam, 2003; Stufflebeam & Shinkfield, 2007).

Dalam konteks pendidikan, penilaian ini penting kerana kecukupan sumber sematamata belum menjamin keberkesanan pelaksanaan; sumber tersebut perlu sesuai dan dapat dimanfaatkan berdasarkan keperluan program. Keperluan terhadap kesediaan

input menjadi lebih signifikan dalam konteks Program Trek Pantas SPM bagi murid lepasan tahfiz sepenuh masa.

Program ini menyediakan laluan kepada murid lepasan tahfiz sepenuh masa untuk memperoleh kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam tempoh pembelajaran yang lebih singkat berbanding laluan persekolahan konvensional. Saleh et al. (2025) menjelaskan bahawa Program Trek Pantas SPM membolehkan lepasan tahfiz melengkapkan kelayakan akademik dalam tempoh yang lebih singkat dan seterusnya membuka peluang untuk meneruskan pengajian dalam pelbagai bidang.

Kajian tersebut turut mengenal pasti 35 institusi swasta di Malaysia yang menawarkan Program Trek Pantas SPM kepada lepasan tahfiz, menunjukkan perkembangan program ini dalam ekosistem pendidikan tahfiz di Malaysia. Usaha menyediakan laluan akademik kepada murid lepasan tahfiz sepenuh masa turut diperkukuh melalui Program Intervensi Murid Sekolah Tahfiz Swasta oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Program yang dirintis pada tahun 2019 ini dilaksanakan melalui beberapa pendekatan, termasuk Model SMK Bekok, Model Rakan Strategik KPM dan Model Tuisyen. Bagi tempoh 2019 hingga 2024, program tersebut merekodkan penyertaan seramai 4,645 murid, memperlihatkan keperluan terhadap penyediaan laluan akademik yang lebih tersusun kepada murid lepasan tahfiz sepenuh masa (KPM, 2025).

Pelaksanaan program akademik dalam tempoh yang dipadatkan bagaimanapun meletakkan tuntutan terhadap kesediaan institusi. Institusi bukan sahaja perlu menyediakan kemudahan dan sumber pembelajaran yang sesuai, tetapi turut memerlukan pengurusan yang sistematik, sumber kewangan yang mencukupi serta guru yang mempunyai kompetensi untuk menyampaikan kandungan akademik dalam tempoh yang terhad.

Dalam konteks Program Trek Pantas SPM, Naseri dan Idris (2025) mendapati bahawa aspek kewangan merupakan antara pertimbangan penting dalam penyertaan murid, dengan sebahagian besar ibu bapa dan penjaga menyatakan keperluan terhadap bantuan kewangan. Kajian tersebut mencadangkan bantuan bersasar, subsidi dan mekanisme pembayaran yang fleksibel bagi menyokong kesinambungan penyertaan murid.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menilai dimensi input Program Trek Pantas SPM bagi murid lepasan tahfiz sepenuh masa berdasarkan Model CIPP, dengan memberikan tumpuan kepada aspek kemudahan pembelajaran, sumber kewangan, pengurusan institusi dan kompetensi guru. Penilaian terhadap komponen tersebut dapat memberikan gambaran empirikal tentang tahap kesediaan input serta mengenal pasti kekuatan dan aspek yang masih memerlukan penambahbaikan dalam menyokong pelaksanaan Program Trek Pantas SPM di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Dimensi Input Dalam Model Penilaian CIPP

Model Penilaian Context, Input, Process and Product (CIPP) yang dibangunkan oleh Stufflebeam menyediakan pendekatan sistematik untuk menilai sesuatu program berdasarkan keperluan, sumber, pelaksanaan dan hasilnya. Berbeza daripada penilaian yang hanya menumpukan pencapaian hasil, Model CIPP berorientasikan penambahbaikan dan menyediakan maklumat yang dapat membantu proses membuat keputusan sepanjang pelaksanaan program (Stufflebeam, 2003; Stufflebeam & Shinkfield, 2007).

Dalam model ini, dimensi input memberikan perhatian kepada strategi, sumber dan kapasiti yang diperlukan untuk mencapai matlamat program. Penilaian input membolehkan penyelidik menilai sama ada sumber manusia, kewangan, kemudahan serta struktur pengurusan yang tersedia mencukupi dan sesuai dengan keperluan pelaksanaan. Oleh itu, dimensi input mempunyai kedudukan penting kerana kualiti pelaksanaan sesuatu program berkait dengan kapasiti organisasi dan sumber yang tersedia (Durlak & DuPre, 2008).

Dalam konteks Program Trek Pantas SPM, dimensi input menjadi lebih signifikan kerana murid perlu mengikuti pembelajaran akademik dalam tempoh yang dipadatkan.

Keadaan ini menuntut penyediaan kemudahan pembelajaran yang sesuai, pengurusan sumber yang sistematik, kemampuan kewangan serta tenaga pengajar yang mempunyai kompetensi untuk menyampaikan kandungan akademik secara berfokus. Penilaian terhadap komponen tersebut membolehkan kesediaan program diteliti bukan hanya berdasarkan kewujudan sumber, tetapi berdasarkan keupayaannya menyokong pelaksanaan program.

Kesediaan Input dalam Pendidikan Tahfiz dan Program Trek Pantas SPM

Perkembangan pendidikan tahfiz di Malaysia menunjukkan peningkatan keperluan untuk menghubungkan pendidikan hafazan dengan laluan akademik formal. Saleh et al. (2025) mengenal pasti sebanyak 35 institusi swasta di Malaysia yang menawarkan Program Trek Pantas SPM. Walau bagaimanapun, kajian ini melibatkan 36 entiti pelaksana, merangkumi 35 institusi tersebut serta satu entiti Program Laluan Pintas SPM (PITAS) di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

PITAS dimasukkan dalam kerangka populasi kajian kerana memenuhi definisi operasi Program Trek Pantas SPM yang ditetapkan oleh penyelidik. Oleh itu, perbezaan bilangan tersebut mencerminkan perbezaan skop populasi yang digunakan. Antara komponen penting ialah kompetensi guru. Pelaksanaan pembelajaran akademik dalam tempoh yang lebih singkat memerlukan guru menguasai kandungan mata pelajaran serta mempunyai keupayaan pedagogi untuk menyesuaikan penyampaian dengan latar belakang murid lepasan tahfiz sepenuh masa.

Dari perspektif pelaksanaan program, karakteristik dan kompetensi pelaksana merupakan antara faktor yang mempengaruhi kualiti sesuatu intervensi (Durlak & DuPre, 2008). Oleh itu, kompetensi guru dalam Program Trek Pantas SPM perlu dilihat sebagai sebahagian daripada kapasiti input yang menentukan sejauh mana sumber kurikulum dapat diterjemahkan kepada pengalaman pembelajaran yang berkesan.

Selain sumber manusia, kemudahan dan sumber pengajaran dan pembelajaran merupakan input yang menyokong persekitaran pembelajaran. Program yang dilaksanakan secara intensif memerlukan bilik darjah dan sumber pembelajaran yang membolehkan aktiviti pengajaran dilaksanakan secara terancang. Dalam kerangka CIPP, kemudahan fizikal dan sumber pembelajaran merupakan sebahagian daripada kapasiti yang perlu dinilai bagi menentukan kesediaan organisasi melaksanakan sesuatu program (Stufflebeam & Shinkfield, 2007).

Penilaian aspek ini penting khususnya dalam konteks institusi tahfiz yang mempunyai struktur, saiz dan sumber yang berbeza. Aspek kewangan turut menjadi komponen penting dalam kesediaan input. Naseri dan Idris (2025), dalam kajian khusus terhadap ibu bapa dan penjaga lepasan tahfiz dalam Program Fast Track SPM di Malaysia, mendapati 117 daripada 139 responden memerlukan bantuan kewangan untuk menyokong penyertaan anak dalam program.

Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa kesedaran terhadap peluang penajaan masih tidak menyeluruh dan mencadangkan bantuan bersasar, subsidi, mekanisme pembayaran fleksibel serta komunikasi berkaitan penajaan yang lebih berkesan. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa sumber kewangan bukan sahaja mempengaruhi institusi dalam menyediakan program, malah mempunyai implikasi terhadap kemampuan keluarga mengekalkan penyertaan murid.

Pengurusan institusi pula berperanan menghubungkan pelbagai sumber tersebut kepada pelaksanaan program. Sumber manusia, kewangan dan kemudahan memerlukan mekanisme perancangan, penyelarasan dan pemantauan supaya dapat digunakan berdasarkan keperluan program. Kepentingan penyelarasan ini turut dapat diperhatikan dalam Program Intervensi Murid Sekolah Tahfiz Swasta oleh KPM yang melibatkan beberapa peringkat pengurusan dan pemegang taruh, termasuk Bahagian Pendidikan Islam, JPN, PPD, pihak berkuasa agama negeri, institusi tahfiz dan tenaga pengajar (KPM, 2025).

Sintesis Kajian dan Jurang Penyelidikan

Sorotan kajian menunjukkan bahawa literatur sedia ada telah memberikan bukti tentang beberapa aspek penting berkaitan pendidikan tahfiz dan Program Trek Pantas SPM. Saleh et al. (2025) memberikan gambaran tentang perkembangan Program Trek Pantas SPM serta peranannya dalam menyediakan laluan akademik kepada lepasan tahfiz, manakala Naseri dan Idris (2025) memberikan bukti empirikal tentang profil demografi, kesediaan kewangan keluarga dan keperluan terhadap bantuan bagi menyokong penyertaan dalam program.

Pada peringkat dasar dan pelaksanaan pula, Program Intervensi Murid Sekolah Tahfiz Swasta menunjukkan penglibatan kerajaan dalam menyediakan mekanisme sokongan akademik kepada murid lepasan tahfiz sepenuh masa melalui pelbagai model pelaksanaan (KPM, 2025).

Walaupun kajian dan inisiatif tersebut memberikan pemahaman tentang akses kepada laluan akademik, hala tuju lepasan tahfiz, kemampuan kewangan keluarga dan bentuk intervensi yang dilaksanakan, bukti empirikal yang menilai kesediaan input Program Trek Pantas SPM secara bersepadu masih terhad. Secara khusus, aspek kemudahan pembelajaran, sumber kewangan, pengurusan institusi dan kompetensi guru belum dihimpunkan dalam satu penilaian program yang sistematik bagi menentukan tahap kesediaannya dalam menyokong pelaksanaan Program Trek Pantas SPM.

Jurang ini penting kerana sumber dan kapasiti organisasi merupakan antara faktor yang mempengaruhi kualiti pelaksanaan sesuatu program (Durlak & DuPre, 2008). Oleh itu, penilaian berasaskan dimensi input Model CIPP diperlukan bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang kesediaan sumber Program Trek Pantas SPM. Penilaian tersebut membolehkan kekuatan dan aspek yang memerlukan penambahbaikan dikenal pasti secara sistematik, sekali gus menyediakan bukti yang dapat menyokong keputusan berkaitan pembangunan dan penambahbaikan program.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran (mixed methods) dengan reka bentuk serentak (concurrent design) berasaskan Model Penilaian *Context, Input, Process and Product* (CIPP). Pendekatan ini membolehkan data kuantitatif dan kualitatif dikumpulkan dalam tempoh yang sama bagi memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap pelaksanaan Program Trek Pantas SPM (Creswell & Plano Clark, 2018).

Walaupun kajian asal menilai keempat-empat dimensi Model CIPP, artikel ini memfokuskan secara khusus kepada dimensi input. Data kuantitatif digunakan untuk menentukan tahap penilaian terhadap dimensi input, manakala data kualitatif digunakan untuk menghuraikan dan menyokong interpretasi dapatan kuantitatif. Kajian melibatkan keseluruhan 36 entiti pelaksana Program Trek Pantas SPM di Malaysia, termasuk Program Laluan Pintas SPM JAIS (PITAS).

Pendekatan bancian (census study) digunakan bagi komponen kuantitatif kerana keseluruhan populasi dapat diakses. Responden terdiri daripada 36 orang pentadbir dan 108 orang guru, dengan setiap entiti diwakili oleh seorang pentadbir dan tiga orang guru. Bagi komponen kualitatif, seramai lima orang informan dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan pengalaman dan penglibatan mereka secara langsung dalam pengurusan dan pelaksanaan Program Trek Pantas SPM (Patton, 2015). Komposisi sampel ini adalah sebagaimana yang digunakan dalam kajian asal.

Data kuantitatif dikumpulkan menggunakan soal selidik yang dibangunkan melalui proses adaptasi dan pengubahsuaian instrumen terdahulu agar bersesuaian dengan konteks Program Trek Pantas SPM. Instrumen pentadbir mengandungi 31 item, manakala instrumen guru mengandungi 33 item yang menilai aspek pengurusan institusi, kompetensi guru, kemudahan pembelajaran serta sumber pengajaran dan pembelajaran.

Semua item menggunakan skala Likert empat mata daripada 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 4 (Sangat Setuju). Bagi tujuan analisis deskriptif, skor min dikategorikan

kepada tiga tahap, iaitu rendah (1.00–2.00), sederhana (2.01–3.00) dan tinggi (3.01–4.00). Julat interpretasi ini ditetapkan berdasarkan pembahagian rentang skor skala Likert empat mata kepada tiga kategori dengan lebar julat satu mata bagi setiap kategori. Instrumen kajian melalui proses kesahan kandungan oleh panel pakar sebelum kajian rintis dilaksanakan bagi menentukan tahap kebolehpercayaannya.

Bagi menilai dimensi input berdasarkan Model Penilaian CIPP, kajian ini menggunakan dua set instrumen soal selidik yang melibatkan pentadbir dan guru. Instrumen pentadbir mengandungi 31 item yang dikelompokkan kepada sembilan komponen, manakala instrumen guru mengandungi 33 item yang turut dikelompokkan kepada sembilan komponen.

Pengelompokan ini dibuat berdasarkan aspek sumber, kemudahan, perancangan, pengurusan dan kompetensi guru yang menyokong pelaksanaan Program Trek Pantas SPM. Pemetaan komponen, kod item dan bilangan item bagi kedua-dua kumpulan responden ditunjukkan dalam jadual berikut.

Jadual 1: Pemetaan Komponen, Kod Item dan Bilangan Item Instrumen Dimensi Input Berdasarkan Model CIPP

Responden	Komponen	Kod Item	Bilangan Item
Pentadbir	Lokasi institusi	b1–b3	3
Pentadbir	Keselamatan premis	b4–b8	5
Pentadbir	Kemudahan riadah	b9	1
Pentadbir	Bilik darjah	b10–b12	3
Pentadbir	Buku teks	b13–b15	3
Pentadbir	Jadual waktu	b16–b17	2
Pentadbir	Alat bantu mengajar	b18–b21	4
Pentadbir	Kakitangan pengurusan	b22–b26	5
Pentadbir	Kewangan	b27–b31	5
Jumlah Pentadbir	**9 komponen**	**b1–b31**	**31**
Guru	Bilik darjah	b1–b3	3
Guru	Buku teks	b4–b6	3
Guru	Jadual waktu	b7–b8	2
Guru	Alat bantu mengajar	b9–b12	4
Guru	Teori keguruan	b13–b18	6
Guru	Kawalan kelas	b19–b22	4
Guru	Pengetahuan subjek	b23–b26	4
Guru	Penggunaan multimedia	b27–b29	3
Guru	Keyakinan guru	b30–b33	4
Jumlah Guru	**9 komponen**	**b1–b33**	**33**

Sumber: Instrumen soal selidik kajian

Pengelasan item kepada dimensi input dibuat berdasarkan fokus penilaian terhadap sumber dan kesediaan pelaksanaan program. Komponen jadual waktu menilai kecukupan serta kesesuaian peruntukan masa pengajaran yang dirancang. Komponen kawalan kelas pula merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran pedagogi yang dimiliki guru, manakala komponen penggunaan multimedia menilai kemahiran, minat dan persepsi guru terhadap penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, komponen-komponen tersebut ditafsirkan sebagai sebahagian daripada kapasiti dan kesediaan input program, berbeza daripada dimensi proses yang menilai amalan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Instrumen soal selidik kajian ini diadaptasi dan diadopsi daripada instrumen kajian terdahulu yang berkaitan dengan penilaian program pendidikan dan pendidikan tahfiz, antaranya Abd. Rahman Abd. Ghani (2018), Azmil Hashim (2018), Zul Izuddin Suhaimi (2019) dan Azizi Jaafar (2015), dengan pengubahsuaian berdasarkan konteks Program Trek Pantas SPM.

Kesahan kandungan instrumen dinilai oleh lima orang pakar yang terdiri daripada seorang pegawai Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, seorang pensyarah pendidikan tahfiz, dua pensyarah kurikulum dan seorang pensyarah penilaian pendidikan. Semakan melibatkan kesesuaian item dengan konstruk kajian, kejelasan bahasa, ketepatan istilah, susunan item dan kesesuaian dengan konteks program.

Cadangan penambahbaikan daripada panel pakar diteliti sebelum kajian rintis dilaksanakan terhadap 30 orang pentadbir dan 30 orang guru. Analisis kebolehpercayaan menggunakan pekali alfa Cronbach menunjukkan nilai keseluruhan instrumen sebanyak 0.951 bagi pentadbir dan 0.976 bagi guru, manakala nilai khusus dimensi input masing-masing ialah 0.885 dan 0.954.

Pengumpulan data kuantitatif dilaksanakan secara bersemuka melalui pengedaran soal selidik kepada pentadbir dan guru di semua entiti pelaksana Program Trek Pantas SPM. Data kualitatif pula dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur bersama lima orang informan. Temu bual direkodkan dengan persetujuan informan, ditranskripsikan secara verbatim dan disemak sebelum proses analisis dilakukan.

Data temu bual separa berstruktur daripada lima orang informan dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola persamaan dan perbezaan pandangan berkaitan dimensi input program. Dapatan kualitatif kemudian dibandingkan dengan skor min dan sisihan piawai soal selidik berdasarkan komponen yang sepadan, seperti kemudahan bilik darjah, bahan pembelajaran, alat bantu mengajar dan kewangan. Penggabungan kedua-dua sumber data ini bertujuan memberikan penjelasan yang lebih mendalam terhadap penilaian responden, termasuk mengenal pasti perbezaan keupayaan sumber antara institusi.

Data kuantitatif dianalisis menggunakan IBM SPSS Statistics melalui statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menentukan tahap penilaian dimensi input. Data kualitatif dianalisis menggunakan analisis tematik melalui proses pengekodan, pengelompokan kod kepada tema dan interpretasi data berdasarkan pendekatan Braun dan Clarke (2006, 2021). Dapatan daripada kedua-dua kaedah kemudiannya diintegrasikan bagi memberikan penjelasan yang lebih menyeluruh terhadap tahap kesediaan dimensi input Program Trek Pantas SPM.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini menilai dimensi input Program Trek Pantas SPM berdasarkan persepsi pentadbir dan guru serta disokong oleh dapatan temu bual bersama informan. Analisis memberikan tumpuan kepada tahap kesediaan keseluruhan dimensi input dan komponen yang merangkumi kemudahan pembelajaran, sumber pengajaran dan pembelajaran, pengurusan institusi, kewangan serta kompetensi guru.

Jadual 2: Tahap Keseluruhan Dimensi Input Program Trek Pantas SPM bagi Murid Lepasan Tahfiz Sepenuh Masa

Responden	N	M	SD	Tahap
Pentadbir	36	3.36	0.27	Tinggi
Guru	108	3.29	0.34	Tinggi

Nota: N = saiz sample; M = Min; SD = Sisihan Piawai.

Berdasarkan Jadual 2, dimensi input Program Trek Pantas SPM secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi berdasarkan penilaian kedua-dua kumpulan responden. Pentadbir mencatatkan min keseluruhan M = 3.36 (SD = 0.27), manakala guru mencatatkan M = 3.29 (SD = 0.34). Perbezaan min yang kecil menunjukkan persepsi yang hampir sama antara kedua-dua kumpulan terhadap tahap kesediaan input program.

Dapatan ini menunjukkan bahawa entiti pelaksana secara umumnya mempunyai asas sumber dan kapasiti yang baik untuk menyokong pelaksanaan Program Trek Pantas SPM. Dalam Model CIPP, penilaian input digunakan untuk menentukan kesesuaian strategi, sumber dan kapasiti yang tersedia bagi mencapai objektif program (Stufflebeam & Shinkfield, 2007; Stufflebeam & Coryn, 2014).

Justeru, tahap input yang tinggi menunjukkan bahawa program mempunyai asas kesiapsiagaan yang baik dari segi sumber dan kapasiti institusi. Hal ini juga selari dengan Durlak dan DuPre (2008) yang menegaskan bahawa kapasiti organisasi, sumber dan karakteristik pelaksana merupakan antara faktor yang mempengaruhi kualiti pelaksanaan sesuatu program.

Jadual 3:Tahap Kesediaan Komponen Dimensi Input Program Trek Pantas SPM bagi Murid Lepasan Tahfiz Sepenuh Masa

Komponen Input	Pentadbir M (SD)	Guru M (SD)	Tahap
Lokasi Institusi	3.38 (0.55)	–	Tinggi
Bilik Darjah	3.10 (0.39)	3.02 (0.45)	Tinggi
Buku Teks	3.49 (0.55)	3.23 (0.52)	Tinggi
Jadual Waktu	3.61 (0.54)	3.25 (0.65)	Tinggi
Alat Bantu Mengajar	3.33 (0.53)	3.13 (0.59)	Tinggi
Keselamatan Premis	3.52 (0.38)	–	Tinggi
Kemudahan Riadah	3.14 (0.83)	-	Tinggi
Kakitangan Pengurusan	3.47 (0.43)	–	Tinggi
Kewangan	3.16 (0.20)	–	Tinggi
Teori Keguruan	–	3.23 (0.51)	Tinggi
Kawalan Kelas	–	3.32 (0.49)	Tinggi
Pengetahuan Subjek	–	3.43 (0.50)	Tinggi
Penggunaan Multimedia	–	3.43 (0.55)	Tinggi
Keyakinan Guru	–	3.55 (0.38)	Tinggi

Nota: M = Min; SD = Sisihan Piawai. Tanda "–" menunjukkan bahawa komponen berkenaan tidak dinilai bagi kumpulan responden tersebut kerana item tersebut tidak termasuk dalam instrumen soal selidik kumpulan berkenaan. Tanda ini tidak merujuk kepada data yang hilang atau skor sifar.

Bagi melihat pola kesediaan input dengan lebih terperinci, analisis seterusnya membandingkan komponen yang dinilai oleh pentadbir dan guru yang ditunjukkan pada Jadual 2. Hasil dapatan menunjukkan, kesemua komponen dimensi input berada pada tahap tinggi. Dalam kalangan pentadbir, jadual waktu mencatatkan min tertinggi (M = 3.61, SD = 0.54), diikuti keselamatan premis (M = 3.52, SD = 0.38), buku teks (M = 3.49, SD = 0.55) dan kakitangan pengurusan (M = 3.47, SD = 0.43).

Sebaliknya, kewangan (M = 3.16, SD = 0.20), kemudahan riadah (M = 3.14, SD = 0.83), dan bilik darjah (M = 3.10, SD = 0.39) memperoleh skor yang relatif lebih rendah, walaupun masih berada pada tahap tinggi. Pola tersebut menunjukkan bahawa kekuatan input bukan sahaja terletak pada kewujudan sumber, tetapi turut melibatkan keupayaan institusi menyusun sumber tersebut bagi memenuhi tuntutan program yang dilaksanakan dalam tempoh yang lebih singkat.

Jadual waktu yang mencatatkan skor tertinggi dalam kalangan pentadbir khususnya menunjukkan kepentingan perancangan akademik dalam konteks program yang memerlukan kandungan pembelajaran disampaikan secara intensif. Walaupun berada pada tahap tinggi, skor relatif lebih rendah bagi kewangan dan bilik darjah memberikan petunjuk tentang aspek yang masih boleh diperkukuh.

Dalam konteks kewangan, dapatan ini mempunyai kaitan dengan kajian Naseri dan Idris (2025) yang mendapati bahawa 117 daripada 139 ibu bapa atau penjaga peserta Program Fast Track SPM menyatakan memerlukan bantuan kewangan. Kajian tersebut turut mencadangkan bantuan bersasar, subsidi dan mekanisme pembayaran yang lebih fleksibel bagi menyokong kesinambungan penyertaan murid.

Hal ini menunjukkan bahawa aspek kewangan perlu diberi perhatian bukan sahaja daripada perspektif kapasiti institusi, tetapi juga dalam ekosistem sokongan yang

membolehkan murid terus mengikuti program. Dapatan temu bual memperincikan penilaian kuantitatif terhadap dimensi input melalui tiga aspek utama, iaitu kesediaan prasarana pembelajaran, ketersediaan bahan dan teknologi pengajaran serta keupayaan sumber kewangan institusi.

Pandangan IP1, IP3 dan IP5 mengenai penyediaan bilik darjah menunjukkan kepentingan kemudahan fizikal yang sesuai untuk menyokong pembelajaran, manakala IP1, IP3, IP4 dan IP5 menjelaskan penggunaan bahan pengajaran dan teknologi yang berbeza mengikut institusi. Perbezaan pandangan lebih ketara dalam aspek kewangan. IP1 menyatakan peruntukan program di bawah JAIS mencukupi, sedangkan IP3 menekankan cabaran kos operasi yang tinggi dan pergantungan pada pembiayaan sendiri.

IP4 pula menyatakan keperluan bantuan tambahan, sementara IP5 menjelaskan sumbangan bantuan luar dalam mengurangkan kos operasi. Perbezaan ini membantu menjelaskan mengapa komponen kewangan secara keseluruhan mencatatkan min tinggi (3.16), sedangkan item kecukupan peruntukan kewangan (2.25) dan kemampuan sumber kewangan menampung keperluan program (2.28) hanya berada pada tahap sederhana.

Oleh itu, dapatan kualitatif bukan sahaja menyokong penilaian kuantitatif, malah memperlihatkan variasi kesediaan input mengikut keadaan dan sumber pembiayaan institusi. Dapatan berkaitan kemudahan pula diperkukuh melalui temu bual. Informan (IP) menjelaskan bahawa pemilihan pusat pembelajaran mengambil kira kelengkapan fasiliti yang disediakan:

> *"...setakat ni memang lengkaplah... kita memilih pusat pembelajaran yang ada kemudahan lengkap... kalau kata nak LCD sekolah sediakan sendiri... saya boleh katakan fasiliti kita letakkan pada tahap maksimumlah, maknanya dia ada whiteboard, dia ada semua kelengkapan." (IP1)*

Penyediaan bahan pembelajaran turut diberikan perhatian apabila buku rujukan disediakan kepada murid dan alat bantu mengajar disokong oleh guru serta institusi:

> *"...alat bantu mengajar ni dibantu oleh guru, dibantu oleh sekolah tu sendiri... buku rujukan pelajar ni free je semua, dia disediakan dengan percuma." (IP1)*

Petikan tersebut mengukuhkan dapatan kuantitatif bahawa kemudahan dan sumber pembelajaran secara umumnya tersedia. Namun, skor bilik darjah yang relatif lebih rendah bagi pentadbir dan guru menunjukkan bahawa kecukupan kemudahan tidak bermaksud semua aspek telah berada pada tahap optimum. Oleh itu, peningkatan kualiti ruang pembelajaran masih relevan sebagai sebahagian daripada penambahbaikan program.

Bagi penilaian guru, keyakinan guru mencatatkan min tertinggi (M = 3.55, SD = 0.38), diikuti pengetahuan subjek (M = 3.43, SD = 0.50) dan penggunaan multimedia (M = 3.43, SD = 0.55). Kawalan kelas, jadual waktu dan teori keguruan turut berada pada tahap tinggi. Alat bantu mengajar (M = 3.13, SD = 0.59) dan bilik darjah (M = 3.02, SD = 0.45) pula mencatatkan skor relatif lebih rendah, namun masih berada pada tahap tinggi.

Dapatan tersebut memperlihatkan kompetensi guru sebagai salah satu kekuatan utama input program. Hal ini selari dengan Shulman (1987) yang menegaskan bahawa keberkesanan pengajaran melibatkan keupayaan guru menghubungkan pengetahuan kandungan dengan pengetahuan pedagogi. Dalam persekitaran pembelajaran yang turut menggunakan teknologi, Mishra dan Koehler (2006) menjelaskan kepentingan integrasi pengetahuan teknologi, pedagogi dan kandungan.

Dalam Program Trek Pantas SPM, kompetensi tersebut menjadi lebih signifikan kerana kandungan akademik perlu disampaikan secara berfokus dalam tempoh pembelajaran yang dipadatkan. Dapatan kualitatif turut menyokong kepentingan kepakaran guru. Informan menyatakan bahawa sumber manusia secara umumnya mencukupi, tetapi keberkesanan pembelajaran tetap bergantung pada keupayaan guru menyesuaikan pengajaran:

"...setakat ni mencukupilah... guru pakar... bergantung kepada kaedah guru mengajar..." (IP1)

Informan yang sama turut menyatakan bahawa bilangan guru dan sumber kewangan berada pada tahap yang mencukupi bagi konteks program yang dikendalikannya. Hal ini menunjukkan bahawa kesediaan input bukan sekadar persoalan jumlah sumber yang tersedia, tetapi turut melibatkan kualiti dan keupayaan sumber tersebut digunakan secara berkesan.

Secara keseluruhannya, integrasi dapatan kuantitatif dan kualitatif menunjukkan bahawa Program Trek Pantas SPM mempunyai tahap kesediaan input yang tinggi, khususnya daripada aspek kompetensi guru, perancangan akademik, sumber pembelajaran dan pengurusan institusi. Pada masa yang sama, kedudukan relatif komponen kewangan, bilik darjah dan alat bantu mengajar menunjukkan masih terdapat ruang untuk pengukuhan.

Dapatan ini menyokong fungsi dimensi input Model CIPP sebagai mekanisme untuk mengenal pasti bukan sahaja kecukupan sumber, tetapi juga kekuatan dan keutamaan penambahbaikan sebelum dan sepanjang pelaksanaan program. Dalam konteks Program Trek Pantas SPM, kesediaan input yang menyeluruh menjadi asas penting bagi memastikan laluan akademik kepada murid lepasan tahfiz sepenuh masa dapat dilaksanakan secara sistematik dan berterusan.

PENUTUP

Kajian ini menilai dimensi input Program Trek Pantas SPM bagi murid lepasan tahfiz sepenuh masa berdasarkan Model CIPP dengan memberikan tumpuan kepada kemudahan pembelajaran, sumber kewangan, pengurusan institusi dan kompetensi guru. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa dimensi input berada pada tahap tinggi berdasarkan penilaian pentadbir dan guru.

Kekuatan utama dapat dilihat pada aspek perancangan akademik, pengurusan institusi, penyediaan sumber pembelajaran serta kompetensi dan keyakinan guru. Walau bagaimanapun, beberapa aspek khususnya kemudahan bilik darjah, alat bantu mengajar dan sumber kewangan menunjukkan skor relatif lebih rendah dan masih mempunyai ruang untuk diperkukuh.

Dapatan ini menunjukkan bahawa kesediaan input merupakan asas penting dalam menyokong pelaksanaan Program Trek Pantas SPM yang dilaksanakan dalam tempoh pembelajaran yang dipadatkan. Penyediaan sumber yang mencukupi perlu disertai dengan keupayaan institusi mengurus sumber secara sistematik serta kompetensi guru untuk menyesuaikan pengajaran dengan keperluan murid lepasan tahfiz sepenuh masa.

Justeru, usaha memperkukuh program perlu memberikan perhatian bukan sahaja kepada kecukupan sumber fizikal, tetapi juga kepada pembangunan kapasiti tenaga pengajar, pengurusan institusi dan sokongan kewangan yang berterusan. Kajian ini memberikan implikasi kepada pengendali program dan pihak berkepentingan untuk menggunakan penilaian input sebagai asas dalam merancang penambahbaikan Program Trek Pantas SPM.

Penilaian secara berkala terhadap kemudahan, sumber, pengurusan dan kompetensi guru dapat membantu memastikan program kekal responsif terhadap keperluan pelaksanaan. Kajian lanjutan boleh memperluas penilaian kepada hubungan antara kesediaan input dengan proses pelaksanaan dan hasil program bagi memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang keberkesanan Program Trek Pantas SPM dalam menyediakan laluan akademik kepada murid lepasan tahfiz sepenuh masa.

RUJUKAN

Abd Rahman Abd Ghani, & Hashim, A. (2018). Persepsi Guru Tahfiz Al-Quran Terhadap Kemudahan Infrastruktur Institusi Tahfiz Persendirian Di Negeri Selangor. Jurnal Kemanusiaan, 16(1), 1–6.

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. Qualitative Research in Psychology, 3(2), 77–101. https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa

Braun, V., & Clarke, V. (2021). One size fits all? What counts as quality practice in (reflexive) thematic analysis? Qualitative Research in Psychology, 18(3), 328–352. https://doi.org/10.1080/14780887.2020.1769238

Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2018). Designing and conducting mixed methods research (3rd ed.). SAGE Publications.

Cronbach, L. J. (1951). Coefficient alpha and the internal structure of tests. Psychometrika, 16, 297–334. https://doi.org/10.1007/BF02310555

Durlak, J. A., & DuPre, E. P. (2008). Implementation matters: A review of research on the influence of implementation on program outcomes and the factors affecting implementation. American Journal of Community Psychology, 41(3–4), 327–350. https://doi.org/10.1007/s10464-008-9165-0

Ghani, A. R. A., Ulum, H., & Syarif, M. S. (2026). Evaluasi Implementasi Program Tahfidz Al-Qur'an Berbasis Sekolah Dasar Islam Menggunakan Model CIPP. AL-MURABBI: Jurnal Studi Kependidikan dan Keislaman, 12(2), 16-29.

Hashim, A. (2018). Persepsi Guru Tahfiz al-Quran Terhadap Kemudahan Infrastruktur Institusi Tahfiz Persendirian di Negeri Selangor. Jurnal Kemanusiaan, 16(1).

Jaafar, A. (2015). Penilaian pelaksanaan kurikulum pendidikan islam sekolah menengah berasaskan model context-input-process-product (CIPP). Universiti Utara Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2025). Program Intervensi Murid Sekolah Tahfiz Swasta. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mishra, P., & Koehler, M. J. (2006). Technological pedagogical content knowledge: A framework for teacher knowledge. Teachers College Record, 108(6), 1017–1054. https://doi.org/10.1111/j.1467-9620.2006.00684.x

Naseri, R. N. N., & Idris, N. H. (2025). Profiling the demographic and financial readiness of parents and guardians of Tahfiz graduates in Malaysia's Fast Track Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) programme. International Journal of Research and Innovation in Social Science, 9(9), 1046–1052. https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.90900093

Patton, M. Q. (2015). Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice (4th ed.). SAGE Publications.

Saleh, M. H., Hussin, H., Alias, N., Ahmad, A. M., & Daud, Z. (2025). Huffaz profesional: Peluang dan hala tuju lepasan tahfiz. Dalam Seminar Kecemerlangan Institusi Tahfiz di Malaysia. Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia & Iqra' Centre for Ummah, Universiti Sains Islam Malaysia.

Shulman, L. S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. Harvard Educational Review, 57(1), 1–22. https://doi.org/10.17763/haer.57.1.j463w79r56455411

Stufflebeam, D. L. (2003). The CIPP model for evaluation. In T. Kellaghan & D. L. Stufflebeam (Eds.), International handbook of educational evaluation (pp. 31–62). Kluwer Academic Publishers. https://doi.org/10.1007/978-94-010-0309-4_4

Stufflebeam, D. L., & Coryn, C. L. S. (2014). Evaluation theory, models, and applications (2nd ed.). Jossey-Bass.

Stufflebeam, D. L., & Shinkfield, A. J. (2007). Evaluation theory, models, and applications. Jossey-Bass.

Tavakol, M., & Dennick, R. (2011). Making sense of Cronbach's alpha. International Journal of Medical Education, 2, 53–55. https://doi.org/10.5116/ijme.4dfb.8dfd

Zul Izuddin Suhaimi, & Kama Shaffeei. (2019). Keberkesanan pelaksanaan kurikulum pengurusan diri sekolah rendah berdasarkan model penilaian konteks, input, proses dan produk (KIPP). Prosiding Seminar Darulaman 2019 Peringkat Kebangsaan, 32–40.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.